

**PERANAN PENDIDIKAN DALAM PENGUKUHAN KESEJAHTERAAN HABLUM
MIN AL -NAS DARI PERSPEKTIF al-QURAN**

**[THE ROLE OF EDUCATION IN STRENGTHENING THE WELFARE OF
HABLUM MIN AL-NAS FROM THE PERSPECTIVE OF THE QURAN]**

¹ AHMAD FAKHRURRAZI MOHAMMED ZABIDI,

² MAHFUZAH MOHAMMED ZABIDI

³ NOORSAFUAN CHE NOH

¹ Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA,
(Kampus Pasir Gudang), 81750 Masai Johor, MALAYSIA

³ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA

*Corresponding author: noorsafuancn@unisza.edu.my

Received Date: 11 October 2020 • Accepted Date: 25 November 2020

Abstract

The world of education is the backbone in building well-being in human life. It covers three domains, namely cognitive, affective and psychomotor. The affective domain is the most important to be polished so that the value in hablum min al-Nas in the reality of human life can be tasted. Every human being who has various differences from various aspects including religion, race, culture and language, remains no exception in carrying out the role of maintaining this well-being. The four principles of hablum min al-Nas together with the five values of humanity are described in this article, to be taken into consideration in the world of education as a whole. As a result, the formation of 'Good People' through the emphasis on the aspect of manners must be done by making the Qur'an as the best 'humanitarian reference' even for non-Muslims. The universal values contained in the Qur'an as well as its conditions that are sure to be protected from any deviation are the starting point in this matter.

Keywords: Role, Welfare, Hablum min al-Nas, Affective.

Abstrak

Dunia pendidikan adalah tulang belakang dalam membina kesejahteraan dalam kehidupan manusia. Ia meliputi tiga domain, iaitu kognitif, afektif dan psikomotor. Domain afektif adalah yang paling penting untuk digilap supaya nilai dalam *hablum min al-Nas* dalam realiti kehidupan kemanusiaan dapat dikecapi. Setiap manusia yang mempunyai pelbagai perbezaan dari pelbagai aspek meliputi agama, bangsa, budaya dan bahasa, tetap tidak terkecuali dalam menjalankan peranan untuk mengekalkan kesejahteraan ini. Empat prinsip *hablum min al-Nas* bersama-sama lima nilai kemanusiaan dihuraikan dalam artikel ini, supaya diambil perhatian dalam dunia

pendidikan secara menyeluruh. Natijahnya, pembentukan ‘Insan Baik’ melalui penekanan aspek adab mestilah dilakukan dengan menjadikan al-Quran sebagai ‘rujukan kemanusiaan’ yang terunggul hatta bagi non-Muslim sekalipun. Nilai sejagat yang terkandung dalam al-Quran serta keadaannya yang pasti terpelihara daripada sebarang penyelewengan menjadi titik tolak dalam perkara ini.

Kata kunci: Peranan, Kesejahteraan, *Hablum min al-Nas*, Afektif

Cite as: Ahmad Fakhruzzai Mohammed Zabidi, Mahfuzah Mohammed Zabidi & Noorsafuan Che Noh. 2020. Peranan pendidikan dalam pengukuhan kesejahteraan *hablum min al-nas* dari perspektif al-Quran. *Malaysian Journal for Islamic Studies* 4(2): 126-137.

PENGENALAN

Hakikat kesejahteraan boleh difahami dalam 2 dimensi yang berasingan tetapi mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Pertama: Dimensi alam ukhrawi yang abadi, yakni menempati syurga dalam kehidupan akhirat (Surah Hud ayat 108 yang bermaksud, “Adapun orang-orang yang berbahagia, maka tempatnya di dalam syurga mereka kekal di dalamnya selama ada langit dan bumi, kecuali jika Tuhanmu menghendaki (yang lain), sebagai kurnia yang tiada putus-putusnya.”). Lawannya adalah kecelakaan dengan ditempatkan ke dalam neraka (Surah Hud ayat 106 yang bermaksud, “Adapun orang-orang yang celaka, maka (tempatnya) di dalam neraka, di dalamnya mereka mengeluarkan dan menarik nafas (dengan merintih).”). Kedua: Dimensi alam duniawi yang sementara. Dimensi ini pula amat berkait rapat dengan tiga aspek iaitu diri (*nafsiyah*) yang melibatkan ilmu dan sifat terpuji; badan (*badaniyah*) seperti kesihatan badan dan keselamatan; dan segala yang selain dari diri dan badan seperti kekayaan dan selainnya yang menggalakkan kesejahteraan diri, badan, dan perkara-perkara yang berkait dengannya (al-Ghazali 1939, 3: 229).

Perkaitan antara kedua-dua dimensi ini adalah semua manusia perlu terlebih dahulu untuk melalui alam duniawi yang sementara sebelum memasuki alam ukhrawi yang abadi. Para hukama’ ada menyebutkan bahawa dunia adalah sebagai perladangan yang mana hasilnya adalah di akhirat (al-Mubarakfuri 1963, 6:168). Kalam ini dapat juga difahami bahawa dunia adalah tempat pengujian, manakala akhirat pula adalah tempat mendapat pengadilan samada untuk diganjari (lalu mendapat kesejahteraan abadi di syurga) atau untuk dibalasi (lalu mendapat kecelakaan tatkala menjadi penghuni neraka.)

Kertas kerja ini walau bagaimanapun akan memberi fokus terhadap salah satu aspek daripada tiga aspek kesejahteraan duniawi; iaitu aspek diri (*nafsiyah*). Oleh kerana manusia tidak berseorangan dalam kehidupan di dunia ini, maka kajian ini terfokus kepada *Hablum Min al-Annas* dalam mencapai kesejahteraan dan pengukuhannya berdasarkan kepada perspektif al-Quran. Sememangnya dunia pendidikan mengambil peranan terpenting dalam memastikan keberhasilan kehidupan yang sejahtera bagi semua manusia, walaupun terdapat kepelbagaiannya dalam pelbagai aspek dalam kalangan mereka.

MANUSIA SEBAGAI INDIVIDU DALAM MASYARAKAT

Setiap individu adalah berperanan dalam menjamin kesejahteraan sejagat. Peranan tersebut menjadi lebih berat apabila individu tersebut memegang status-status tertentu seperti kepimpinan, penentu dasar, pendidikan dan sebagainya.

Perkara yang paling utama yang perlu dilakukan oleh setiap individu atas kapisiti dirinya sendiri ialah sentiasa menjaga dan memelihara nilai kemanusiaan masing-masing. Ini bermakna, setiap individu tidak boleh melakukan sebarang perkara yang boleh menghilangkan kemanusiaannya seperti melakukan jenayah, menimbulkan huru-hara, membuat khabar angin berunsur fitnah dan sebagainya. Semua ini menjatuhkan maruahnya sebagai manusia dan serentak dengan itu, hilanglah kemanusiaannya.

Seterusnya, apabila semua individu sudah peka terhadap nilai kemanusiaan diri masing-masing, secara automatik akan datang pula perasaan ingin dihargai dan serentak dengan itu mudah untuk dia memberi penghargaan kepada kemanusiaan orang lain. Di peringkat ini, jalinan dua hala sudah mula terbentuk. Jalinan ini perlu diperkuatkan lagi dengan memahami dan menghayati asas-asas hubungan sesama manusia. Walau bagaimanapun, ia perlu kepada usaha masing-masing untuk huraiyan yang lebih terperinci daripada setiap asas yang diketengahkan.

Dari dimensi individu sebagai mewakili tugas-tugas tertentu pula, mereka perlu menjalankan tugas-tugas mereka itu dengan mengambil kira prinsip-prinsip dan nilai kongsi kemanusiaan seperti yang telah disebutkan. Segala strateginya, samada sebagai pemimpin, pendidik, dan sebagainya; perlulah ke arah menjayakan prinsip-prinsip tersebut. Untuk itu, mereka perlulah mempunyai pendedahan ilmu yang luas, kemahiran berkomunikasi yang baik, kekuatan psikologi yang tinggi serta penampilan yang menarik. Ini semua adalah instrumen penting dalam sebarang interaksi yang dilakukan supaya keharmonian dapat dikecapi lalu hidup menjadi sejahtera.

Dari dimensi kehidupan pula, setiap manusia perlu untuk memenuhi keperluan asas masing-masing dengan cara yang ‘dikawal’ oleh asas-asas hubungan sesama manusia yang disandarkan pula kepada nilai kemanusiaan yang dikongsi bersama. Keperluan asas yang tidak disempurnakan boleh sahaja mendorong manusia hilang pertimbangan lantas ‘melupakan’ nilai kemanusiaannya, yang akhirnya membuatkan dia ‘menceroboh’ pula nilai kemanusiaan orang lain dengan perlakuan-perlakuan yang di luar batasan. Ini semua boleh menjelaskan kesejahteraan.

Bagi mengatasi permasalahan ini, dianjurkan sikap saling membantu dalam memenuhi keperluan asas sesama manusia. Menurut sistem Islam, pensyiaran zakat, infaq, takaful dan sedekah adalah sebagai kaedah supaya semua manusia berpeluang untuk menyempurnakan keperluan asas masing-masing. Keperluan asas yang sudah dipenuhi bakal menjamin kerasionalan tindakan seseorang.

Dari dimensi perbezaan anutan dan agama pula, adalah dianjurkan bagi setiap individu memahami agama masing-masing dengan mendalam dan mengamalkannya secara menyeluruh, dan disusuli pula dengan mencari pengetahuan tentang agama-agama lain secara asas. Ini supaya perasaan saling menghormati dapat dipupuk dalam aktiviti keagamaan masing-masing. Masalah yang berlaku ialah apabila penganut tidak benar-benar memahami agamanya. Pada masa yang sama, tidak pula memahami kaedah dan prinsip agama yang lain. Situasi sebegini menyebabkan setiap orang bertindan mengikut telahan dan sangkaan masing-masing, dan bukannya berdasarkan kepada fakta. Sangkaan adalah pelbagai dapat mengundang kepada tindakan-tindakan luar kawalan yang boleh sahaja menjelaskan kesejahteraan.

Bagi menjayakan usaha ini, para pemuka setiap agama mestilah lebih bergiat aktif dalam memahamkan intipati agama mereka kepada para penganut. Perlu juga diadakan dialog

antara agama dari semasa ke semasa bagi ‘mengemaskini’ maklumat dan pengetahuan tentang agama-agama yang pelbagai ini. Keharmonian dalam hidup beragama adalah asas penting untuk mewujudkan kesejahteraan hidup. Jika dilihat dari perspektif dakwah pula, dialog-dialog sebegini insya-Allah akan membuka mata non-Muslim bagi menilai dan menyedari keindahan agama Islam seraya membuka hati mereka untuk menganut agama Islam pula.

PRINSIP HABLUM MIN al-NAS

Manusia secara fitrahnya adalah makhluk yang hidup bermasyarakat. Setiap *nafsanī* (diri) manusia perlu untuk berinteraksi dengan *nafsanī* yang lain. al-Quran telah menggariskan asas-asas penting supaya manusia dapat membina hubungan sesama mereka dalam keadaan yang penuh sejahtera walaupun latar belakang mereka berbeza-beza.

1. *al-Ta‘aruf* (Perkenalan), Firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ دَرَّىٰ وَأَنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْفَاقَكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَبِيرٌ (13) سورة الحجرات

Maksudnya: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).

Menurut Dr Wahbah al-Zuhailiy (1418, 26:248) dalam Tafsir al-Munir; tujuan dalam berkenal-kenalkan itu adalah supaya dapat mengelakkan perasaan bermegah-megah dengan latar belakang masing-masing. Dengan menghindari sifat bermegah-megah, maka barulah dapat dikecapi perasaan saling menghormati antara satu sama lain. Sikap saling menghormati tersebut perlulah merentas segala bentuk perbezaan yang wujud seperti perbezaan pegangan agama, keturunan, taraf hidup, pekerjaan, sikap, tabiat, tingkah-laku dan sebagainya.

Oleh yang demikian, proses perkenalan itu pastinya akan berlaku secara berterusan. Setiap individu tidak seharusnya berasa jemu dalam proses perkenalan ini demi memastikan kesejahteraan hidup sejagat. Apabila ada mana-mana pihak yang sudah tidak ‘menghiraukan’ proses perkenalan ini, maka di situlah bermulanya percikan api persengketaan. Jika tidak dipadamkan dengan segera, pasti akan mengundang kecelakaan dan mala-petaka, bukan sahaja kepada mana-mana pihak yang bersengketa, bahkan juga kepada manusia yang di sekitar mereka.

2. *al-Tafahum* (persefahaman)

Imam al-Syaukani dalam mentafsirkan permulaan Surah al-Rahman menyebutkan bahawa antara nikmat yang Allah berikan kepada manusia adalah adalah mengajarkan kepada mereka

ilmu Bayan, yang dengannya manusia dapat mewujudkan persefahaman sesama mereka (al-Shawkani t.th., 5:186). Firman Allah SWT:

عَلَمَةُ الْبَيَانِ (4) سُورَةُ الرَّحْمَن

Maksudnya: "Dia lah yang telah membolehkan manusia (bertutur) memberi dan menerima kenyataan."

Antara petunjuk al-Quran dalam menyeru ke arah mencari titik persefahaman ini ialah firman Allah SWT:

قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ تَعَالَوْا إِلَى كَلْمَةٍ سَوَاءٍ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ لَا تَعْبُدُ إِلَّا اللَّهُ وَلَا تُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُكُمْ
بَعْضًا أَرْبَابًا مِنْ دُونِ اللَّهِ فَإِنْ تَوَلُّوْا فَقُولُوا اشْهُدُوْا بِأَنَّا مُسْلِمُوْنَ (64) سُورَةُ آلِ عُمَرَانَ

Maksudnya: "Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai Ahli Kitab, marilah kepada satu Kalimah yang bersamaan antara kami dengan kamu, iaitu kita semua tidak menyembah melainkan Allah, dan kita tidak sekutukan denganNya sesuatu jua pun; dan jangan pula sebahagian dari kita mengambil akan sebahagian yang lain untuk dijadikan orang-orang yang dipuja dan didewa-dewakan selain dari Allah". Kemudian jika mereka (Ahli Kitab itu) barpaling (enggan menerimanya) maka katakanlah kepada mereka: "Saksikanlah kamu bahawa sesungguhnya kami adalah orang-orang Islam".

Ayat ini seolah-olah memberi petunjuk bahawa umat Islam, dengan kebenaran yang terdapat dalam agama Islam, yang terlebih dahulu perlu memulakan *approach* bagi menyeru ke arah persefahaman antara pelbagai pihak. Ini adalah dari sudut prinsipnya. Manakala dari sudut teknikal pula, Allah SWT berfirman:

وَلَا تُجَادِلُوْا أَهْلَ الْكِتَابِ إِلَّا بِالْتِي هِيَ أَحْسَنُ إِلَّا الَّذِينَ ظَلَمُوْا مِنْهُمْ وَقُولُوا آمَنَّا بِالَّذِي أَنْزَلْنَا إِلَيْنَا وَأَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكُمْ
وَإِنَّهُمَا وَإِلَهُكُمْ وَاحِدٌ وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُوْنَ (46) سُورَةُ الْعِنكُبُوتِ

Maksudnya: "Dan janganlah kamu berbahas dengan Ahli Kitab melainkan dengan cara yang lebih baik, kecuali orang-orang yang berlaku zalim di antara mereka; dan katakanlah (kepada mereka): "Kami beriman kepada (al-Quran) yang diturunkan kepada kami dan kepada (Taurat dan Injil) yang diturunkan kepada kamu; dan Tuhan kami, juga Tuhan kamu, adalah Satu; dan kepadaNyalah, kami patuh dengan berserah diri."

Ayat ini menjelaskan bahawa mujadalah (perbincangan) ke arah mencapai persefahaman itu perlu pula berlaku dengan cara yang terbaik yang mampu difikirkan oleh semua yang terlibat.

3. al-Taawun (Saling Menolong)

Dalam aspek tolong menolong, al-Quran telah memberi garis panduan yang jelas melalui firman Allah SWT pada penghujung surah al-Maidah:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدُوٰنِ وَانْفُوا اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ (2)

Maksudnya: “Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebaikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).”

Imam al-Qurtubi telah menukilkan pendapat al-Mawardi bahawa mereka bertolong-tolongan ke arah kebaikan bakal memperolehi kesenangan hati manusia, manakala mereka bertolong-tolongan ke arah ketaqwaan bakal mendapat keredhoan Allah SWT (al-Qurtubi t.th., 6:36).

Allah SWT melarang perbuatan tolong-menolong ke arah kemaksiatan dan pencerobohan kerana ia pastinya akan menganggu-gugat kesejahteraan dan kebahagian hidup manusia.

4. al-Tadhamun (persepakatan)

al-Quran memberi isyarat kepada keperluan untuk bermuafakat melalui firman Allah SWT dalam Surah al-Soff ayat 4:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِهِ صَفَّا كَانُوكُمْ بُنْيَانٌ مَرْصُوصٌ (4)

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang untuk membela ugamaNya, dalam barisan yang teratur rapi, seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh.”

Sayyid Qutb menjelaskan dalam tafsirnya bahawa ayat ini memberi gambaran kepada bentuk permuafakatan yang tampil secara pertanggungjawaban individu tetapi dengan cara beramai-ramai yakni berjemaah (Qutb t.th., 7:193). Inilah konotasi yang dibawa oleh kalimah (صفا) dalam ayat tersebut. Ia adalah kalimah singular yang terkandung dalamnya unsur plural.

Dalam konteks masyarakat majmuk, kesepakatan ini masih boleh dicapai dengan semangat saling menghormati nilai kemanusiaan yang ada pada setiap manusia (Tajuk ini akan diuraikan dalam sub-topik berasingan).

Inilah antara asas terpenting dalam aspek hubungan sesama manusia. Segala-gala bermula dengan sebuah perkenalan. Proses perkenalan perlu berlaku secara berterusan dan pada masa yang sama persefahaman dapat dibentuk. Ia disusuli pula dengan sikap bersalingan dana sebarang gerak-kerja yang melibatkan kepentingan bersama; akhirnya akan menampakkan suatu permuafakatan yang unik antara ahli masyarakat.

HABLUM MIN al-NAS DALAM REALITI KEHIDUPAN KEMANUSIAAN

Hakikatnya, manusia daripada pelbagai latar belakang yang berbeza tetap mempunyai nilai kongsi yang perlu dipelihara secara bersama. Semua manusia sebenarnya berkongsi nilai kemanusiaan yang ada pada setiap individu. Asas-asas hubungan *hablum min al-Nas* seperti yang telah dijelaskan dalam sub-topik terdahulu perlu untuk dijayakan dengan bersandarkan kepada nilai kongsi ini.

Pedoman utama menghayati nilai kemanusiaan bagi manusia adalah al-Quran. Ini kerana, tiada satu kitab pun di muka bumi ini yang mementingkan manusia dan aspek-aspek kemanusiaannya melainkan al-Quran. Ia adalah kitab suci untuk manusia dan demi kebahagiaan manusia merentasi ke akhirat. Kandungannya tidak lain hanyalah bicara-bicara bermakna yang ditujukan kepada manusia semuanya, ataupun bicara-bicara mengenai manusia.

Jika diteliti, kita akan mendapati bahawa ayat yang pertama diturunkan (Surah al-Alaq, ayat 1-5) telah menyebutkan lafaz al-Insan sebanyak dua kali. al-Quran juga diakhiri dengan surah al-Nas yang bermaksud manusia. Ini membuktikan bahawa al-Quran memang memberi perhatian yang serius kepada manusia dan aspek kemanusiaannya.

Nilai kemanusiaan dapat dihuraikan melalui keperluan setiap manusia kepada ilmu (*al-Ilm*), perbincangan (*al-Syura*), keadilan (*al-Adalah*), kebebasan (*al-Hurriyyah*) & pertanggungjawaban (*al-Masuliyyah*), dan kesamarataan (*al-Musawah*).

1. *al- ‘Ilm*

Semua manusia perlu kepada ilmu. Ilmu dapat difahami sebagai mengetahui sesuatu perkara dengan pengetahuan yang bertepatan dengan hakikat perkara tersebut (al-Jurjani, 1405H: 199). Bagi tujuan untuk mendapatkan pengetahuan, Allah SWT telah memberikan manusia akal yang dipandu pula oleh al-Quran. Prinsipnya; akal dan al-Quran pasti berselari. Jika berlaku percanggahan, maka al-Quran tetap benar manakala akal-lah yang perlu untuk diperbetulkan. Ini berdasarkan kepada konsep, akal adalah makhluk ciptaan Allah SWT, manakala al-Quran pula adalah Kalam Allah SWT, maka mustahil berlaku percanggahan kerana kedua-duanya adalah dari sumber yang sama, yakni Allah SWT.

Dengan ilmu, manusia mampu untuk melaksanakan asas-asas hubungan sesama mereka. Mereka juga mampu untuk memanfaatkan setiap ciptaan Allah SWT yang wujud di muka bumi untuk manfaat kehidupan mereka. Dengan ilmu juga mereka boleh memberi fokus ke arah untuk mencapai kesejahteraan dalam kehidupan. Oleh yang demikian, semua manusia perlu diberi pendidikan yang sewajarnya supaya mereka beroleh cukup pengetahuan untuk terus *survive* dalam kehidupan.

2. *al-Shura*

Semua kita bersepakat bahawa manusia tidak boleh hidup berseorangan, sebaliknya kehidupan mereka akan menemui kesejahteraan jika ia berlaku secara bermasyarakat. Lumrah kehidupan bermasyarakat, amat perlu kepada perbincangan dalam setiap isu yang berlaku supaya kata putus yang dapat memuaskan hati semua pihak dapat dicapai. Dalam hal ini, Allah SWT berfirman: وَأَمْرُهُمْ شُورَى بَيْنَهُمْ yang bermaksud; “dan urusan mereka dijalankan secara

bermesyuarat sesama mereka” . Dalam ayat ini, Allah SWT menganjurkan supaya bermesyuarat, tanpa menyebutkan secara spesifik mengenai kaedah permesyuaratan tersebut dilakukan. Ini bermakna, terpulang kepada manusia untuk menggunakan sebarang kaedah untuk mencapai keputusan dalam mesyuarat mereka, samada dengan membuat undian, ataupun kuasa kata pemutus diserahkan kepada individu tertentu dan sebagainya.

Setelah keputusan dibuat, kita tidak perlu lagi untuk mengungkit-ungkit sebarang perkara berbangkit. Ia tidak membawa sebarang faedah sebaliknya mengundang kepada ketidak-stabilan umat. Untuk itu, al-Quran menganjurkan supaya tatkala keputusan sudah dibuat, hendak kita thabat dengan keputusan tersebut dan bertawakkal sahaja kepada Allah SWT. Firman Allah SWT:

وَشَارُونْ هُنْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَّمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ (159) سورة آل عمران.

Maksudnya: “dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya.”

3. *al-'Adalah*

Ia bermaksud keseimbangan dan konsistensi yang sentiasa berkecenderungan ke arah kebenaran (al-Jurjani, 1405H: 192). al-Quran memang amat mengambil berat terhadap konsep keadilan ini. Imam al-Razi, dalam ulasan beliau terhadap sembilan ayat pertama dalam surah al-Rahman mengatakan bahawa signifikan antara al-Quran dan al-Mizan dalam Surah al-Rahman ini ialah al-Quran mengandungi keilmuan yang tidak terdapat pada kitab-kitab selainnya, manakala pada al-Mizan (dacing timbangan) itu terdapat segala keadilan yang tidak pula terdapat dalam alat-alat yang lain (al-Razi, 2000M, 29:81).

Perhatian al-Quran terhadap konsep keadilan ini lebih terserlah apabila kita perhatikan bahawa al-Quran menjadikan usaha untuk menegakkan prinsip keadilan sesama manusia sebagai matlamat utama daripada pengutusan para Rasul dan penurunan kitab-kitab dalam setiap peringkat kehidupan manusia. Firman Allah SWT dalam Surah al-Hadid ayat 25:

لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلًا بِالْبَيِّنَاتِ وَأَنْزَلْنَا مَعَهُمُ الْكِتَابَ وَالْمِيزَانَ لِيَقُولُ النَّاسُ بِالْقِسْطِ

Maksudnya: “Demi sesungguhnya! Kami telah mengutus Rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti dan mukjizat yang jelas nyata, dan Kami telah menurunkan bersama-sama mereka Kitab Suci dan keterangan yang menjadi neraca keadilan, supaya manusia dapat menjalankan keadilan.”

4. *al-Mas'uliyah* dan *al-Hurriyyah*

al-Mas'uliyah ialah kesediaan seseorang untuk beriltizam dengan natijah yang terhasil daripada perlakuannya, samada natijah tersebut adalah baik atau sebaliknya. Beliau sedia memikul

tanggungjawab tersebut tatkata berhadapan dengan Allah SWT, dengan masyarakat sekitarnya, dan juga dirinya sendiri (Badawi, 1975: 223).

Allah SWT telah memberi isyarat terhadap prinsip masuliyyah ini melalui firman-firmanya dalam Surah al-Muddathir ayat 38 yang bermaksud: “Tiap-tiap diri terikat, tidak terlepas daripada (balasan buruk bagi amal jahat) yang dikerjakannya,” ; Surah al-Baqarah ayat 282 yang bermaksud, “Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahanan yang diusahakannya,” ; dan Surah al-Qiamah ayat 36 yang bermaksud, “Patutkah manusia menyangka, bahawa ia akan ditinggalkan terbiar (dengan tidak diberikan tanggungjawab dan tidak dihidupkan menerima balasan)?”

Adapun *al-Huriyyah* pula bermaksud perlakuan berdasarkan kehendak. Walau bagaimanapun prinsip *al-Huriyyah* ini seperti yang didefinisikan oleh para cendiakawan ialah kebebasan perlakuan berdasarkan kehendak dengan disertai dengan prinsip al-masuliyyah, ia tidak boleh membawa kerosakan, mudarat dan menceroboh hak-hak orang lain. Ia juga mestilah tertakluk kepada ketetapan-ketetapan syariat dan sistem undang-undang (al-Wakil, 1986: 64-66).

Semua manusia seharusnya memahami kedua-dua prinsip ini secara serentak demi memastikan keharmonian dan kesejahteraan dalam kehidupan.

1- al-Musawah

Natijah dari prinsip-prinsip yang telah dijelaskan sebelum ini, menghasilkan prinsip yang terakhir, yakni kesamarataan. Ia bermaksud semua manusia dilayani secara sama rasa berdasarkan kepada nilai kemanusiaannya mengikut konteks yang selayaknya bagi diri mereka masing-masing.

Ringkasnya, kelima-lima prinsip tersebut adalah amat perlu diraikan dalam kehidupan bermasyarakat, lebih-lebih lagi dalam masyarakat yang berbilang kaum dengan perbezaan-perbezaan dari pelbagai aspek. Berlakunya sebarang ‘lepas pandang’ dalam perkara ini boleh membawa kepada pemberontakan, penentangan, permusuhan, dan seumpamanya. Semua ini pastikan mencarik kesejahteraan yang selama ini dinikmati oleh semua pihak.

Peranan Pendidikan.

Kita semua bersetuju bahawa ilmu mengambil tempat yang pertama dalam peranan dan usaha untuk mencapai dan mengekalkan kesejahteraan. Dunia pendidikan adalah medan penerapan keempat-empat prinsip *Hablum min al-Nas* sehingga kelima-lima nilai kemanusiaan dalam dikongsi bersama bagi mengekalkan kehidupan yang sejahtera. Oleh yang demikian, dari sudut prinsip dan falsafahnya, pendidikan haruslah dikembalikan kepada jatidirinya yang asal, iaitu untuk membina *insan baik*. Ini selaras dengan hasrat Pendidik Ulung umat Islam, Rasulullah SAW yang bersabda: إنما بعثت لأتمم صالح الأخلاق (Inna ba'uthu la ta'tim salih al-akhlāq) yang bermaksud, “Hanyasanya diperutuskan aku ini untuk menyempurnakan akhlak yang terpuji” (Hadis terdapat dalam Musnad Ahmad Bin Hanbal, No. 8939, riwayat dari Abu Hurairah RA dan dihukumkan sebagai sohih oleh Sheikh Syuaib Arna'ut).

Pembinaan ‘*insan baik*’ ini tidak sekadar dengan cara memindahkan maklumat dan pengetahuan dari guru kepada murid semata-mata, bahkan ia perlu juga difokuskan kepada penghayatan terhadap nilai-nilai maklumat itu sendiri. Ini perlu kepada gabung jalin ketiga-tiga domain pendidikan dari sudut kognitif, afektif dan psikomotor. Pun begitu, domain afektif perlu diberi lebih penekanan supaya nilai-nilai daripada setiap perbahasan keilmuan dapat dilumati dan direfleksi sehingga memberi kesan terhadap hati insani. Hati yang terkesan dengan nilai

ilmu pasti akan mengarahkan anggota badan supaya berkelakuan baik, maka terhasillah Insan Baik yang dimaksudkan. Semua ini perlu kepada kewujudan budaya ilmu yang bersepada, yang tidak mengasingkan antara maklumat dengan kehidupan (Wan Mohd Nor 2003: 98). Maka yang seharusnya berlaku ialah ilmu itu sendiri dapat menjadi pemangkin yang dapat membangunkan nilai kemanusiaan seseorang.

Pendidikan dan institusinya juga perlu berusaha untuk merawat penyakit kebendaan yang semakin mencengkam dunia pendidikan zaman sekarang. Budaya mempelajari ilmu dengan matlamat untuk mengecapi material duniawi haruslah dihapuskan sama sekali. Ia perlu digantikan dengan matlamat hanya semata-mata untuk mencapai reda Allah SWT. Rasulullah SAW telah memberi amaran dalam sabda Baginda SAW:

مَنْ تَعْلَمَ عِلْمًا مِمَّا يُتَّسَعُ بِهِ وَجْهُ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ لَا يَتَعْلَمُ إِلَّا لِيُصِيبَ بِهِ عَرَضًا مِنَ الدُّنْيَا لَمْ يَجِدْ عِرْفَةً
الْجَنَّةَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ». يَعْنِي رِيحَهَا.

Maksudnya: “Barangsiapa yang mempelajari ilmu yang sepatutnya hanya semata-mata kerana Allah SWT, tidak dia mempelajari ilmu itu melainkan untuk mengecapi habuan duniawi, maka tidak akan dia dapatkan haruman syurga pada Hari Kiamat.” (Hadis terdapat dalam Musnad Ahmad Bin Hanbal, No. 8438, riwayat dari Abu Hurairah RA dan dihukumkan sebagai hasan oleh Sheikh Syuaib Arna’ut).

Manakala dari sudut teknikal, kaedah pedagogi yakni pelajaran dan pembelajaran yang dipraktikkan juga haruslah kembali kepada kaedah Islam dan bukannya hanya semata-mata bercukupan dengan kaedah Barat.

Dalam kaedah Barat, adab tidak dipraktikkan sama sekali. Murid adalah seumpama *customer* (pelanggan) yang selalu perlu dimenangkan dan diutamakan dek terkesan dengan ungkapan *customer is always right*. Oleh yang demikian, guru sentiasa cuba untuk meraikan murid dan kehendak serta cara mereka dalam pengajaran dan pembelajaran. Pengajaran dan pembelajaran guru dianggap sebagai berkesan apabila disukai oleh murid. Lumrahnya, murid memang akan suka kepada guru yang sentiasa menuruti kehendak mereka. Cara ini adalah jauh tersasar dari norma-norma Islamik dalam pengajaran dan pembelajaran.

Dari perspektif Islam, pedagogi ini haruslah ditunjangi dengan adab-adab yang tertentu. Sama seperti murid, guru juga ada adab-adabnya. Ada adab-adab yang dikongsi bersama antara guru dan murid, iaitu kedua-duanya hendaklah benar-benar ikhlas kepada Allah SWT semata-mata, tidak untuk yang selain-Nya (Imam al-Ghazali (1998: 145-151) telah menyenaraikan sebahagian besar adab-adab ini).

Pengamalan adab-adab ini sebenarnya adalah latihan untuk kita lebih menghargai orang lain. Pada peringkat awal, perasaan saling menghargai tersebut berlaku dalam perguruan sahaja. Lama kelamaan, ia akan sebati dalam jiwa murid-murid lantas mengamalkan budaya saling menghormati dalam seluruh ruang hidupnya. Budaya ini adalah salah aspek terpenting dalam mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Kesejahteraan adalah suatu perkara yang sememangnya ingin dimiliki dan dikehendaki oleh semua yang bernama manusia. Oleh yang demikian, semua manusia perlulah memainkan peranan mereka masing-masing. Asas-asas hubungan dan interaksi sesama manusia juga perlu dihayati dengan lebih mendalam menggunakan domain afektif. Selain itu, nilai kongsi kemanusiaan juga perlu diinsafi bersama. Proses ini akan menjadi lebih mudah kalau semua manusia merujuk kepada sumber dan sandaran yang paling berautoriti, iaitu al-Quran. Ini kerana semua perkara yang berkaitan dengan kesejahteraan dan cara untuk mengecapinya telah dijelaskan dalam al-Quran.

al-Quran ini adalah Kalam Allah yang pasti akan berselari dengan akal yang *salim* (sejahtera) yang merupakan *Khalqullah*, kerana kedua-duanya adalah dari Allah SWT juga. Menjadikan al-Quran sebagai asas sandaran adalah suatu yang tidak dapat dinafikan lagi oleh semua pihak, kerana semuanya mengakui keautoritian al-Quran yang terselamat daripada sebarang penyelewengan. al-Quran juga dilihat sebagai satu-satunya kitab yang paling mengambil berat akan perihal manusia dan kemanusiaan mereka.

Menjadikan al-Quran sebagai asas sandaran juga adalah tidak mustahil bagi non-Muslim, kerana mereka juga berhak untuk mendapatkan tunjuk ajar dari al-Quran itu sendiri. Merujuk dan mengambil iktibar terhadap anjuran-anjuran yang terdapat dalam al-Quran tidak bermakna non-Muslim perlu terus meninggalkan agama mereka. Pada peringkat awal, cukup sekadar mereka meyakini bahawa al-Quran merupakan sumber rujukan terbaik dalam mewujudkan suasana harmoni dan sejahtera di kalangan manusia.

Sistem pendidikan Islam haruslah dijayakan dengan gelombang dari nilai-nilai Islam yang tulen, yang tidak terpengaruh dengan sistem Barat yang bertentangan dengan norma-norma Islam. Adapun sistem Barat yang berselari dengan norma Islam, haruslah juga dimanfaatkan oleh umat Islam.

Kesimpulannya, penulis menegaskan bahawa semua pihak haruslah bersedia untuk kembali berpegang dengan al-Quran dengan sesungguh-sungguhnya demi merealisasikan kesejahteraan umat sejagat. Jika masih mahu berdolak-dalah lagi daripada merujuk al-Quran, maka selagi itulah seminar-seminar seumpama ini akan berulang-ulang di takuk yang sama, tidak berubah. Wallahu A'lam.

RUJUKAN

- Badawi, 'Abd al-Rahman. 1975. *al-Akhlaq al-Nazariyyah*. Kuwayt: Wikalah al-Matbu'at.
- al-Ghazali, Abu Hamid. 1939. *Ihya' 'Ulum al-Din*, Qahirah: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah.
- Hanbal, Ahmad, 1999. *Musnad Ahmad ibn Hanbal*. Tahqiq: Shuayb Arna'ut. Bayrut: Mu'assasah al-Risalah, Cetakan Kedua, 1999H.
- <http://www.iiu.edu.my/deed/quran/malay/>
- al-Jurjani, 'Alī ibn Muhammad Jurjānī. 1405H. *al-Ta'rifat*. Bayrut: Dar al-Kitab al-Arabi.
- al-Mubarkafuri, 'Abd al-Rahman. 1963. *Tuhfat al-Ahwazi bi Sharh Jami' al-Tarmizi*. al-Madīnah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiyyah.
- al-Qurtubi, Abi 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr. 2006. *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Bayrut: Muassasah al-Risalah.

- Qutb, Sayyid. 1995. *Fi Zilal al Qur'an*. al-Qahirah: Dar al-Shuruq.
- al-Razi, Fakhr al-Din Muhammad bin 'Umar. 2000. *Mafatih al-Ghayb*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, Cetakan Pertama, M.
- al-Syaukani, Muhamad bin Ali bin Muhamad. 1993. *Fath al-Qadir: al-Jami' Bayna Fann al-Riwayah wa al-Dirayah min 'Ilm al-Tafsir*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Wakil, Muhammad Sayyid. 1986. *Qawa'id al-Bina fi Mujtama' al-Islami*. Dubai: Dar al-Wafa'.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 2003. *Budaya Ilmu*. Singapore: Pustaka Nasional.
- al-Zuhayli, Wahbah, 1418H. *al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Syariah wa al-Manhaj*. Cetakan 2. Dimashq: Dar al-Fikr al-Mu'asir.